Utusan Malaysia

Orang ramai diajak beri idea pelan pendidikan baharu 2026-2036



KPM membangunkan Portal Cadangan Masa Depan Pendidikan Malaysia 2026-2036. - GAMBAR HIASAN

- Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
- 24 Jun 2024, 12:47 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membangunkan Portal Cadangan Masa Depan Pendidikan Malaysia 2026-2036 sebagai platform kepada masyarakat untuk memberikan cadangan dan idea berkaitan pelan pendidikan baharu negara.

KPM dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya mengalu-alukan cadangan daripada pelbagai pihak dalam bentuk memorandum atau kertas cadangan untuk membantu menghasilkan pelan pendidikan masa depan yang komprehensif dan holistik.

“KPM sedang dalam usaha menghasilkan pelan pembangunan pendidikan baharu bagi mengantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang hampir sampai ke penghujung.

“Selaras dengan konsep whole of society approach (pendekatan seluruh masyarakat), KPM mengalu-alukan cadangan daripada pelbagai pihak,” katanya dalam kenyataan hari ini.

KPM berkata, portal berkenaan adalah wadah untuk memudahkan pengumpulan maklumat, cadangan dan idea daripada seluruh masyarakat berkaitan hala tuju pendidikan negara.

Portal Cadangan Masa Depan Pendidikan Malaysia 2026-2036 boleh diakses melalui pautan https://www.moe.gov.my/pelanpendidikan2026/public.
“Seluruh masyarakat dijemput untuk menyumbang cadangan bermula pada 14 Mei lalu hingga 31 Disember ini,” katanya.

Pada masa sama, KPM komited menjayakan agenda reformasi pendidikan demi manfaat generasi masa depan negara. – UTUSAN